

# 40 perajurit veteran British terima anugerah PJM

| Daripada HAMZAH SIDEK

LONDON 19 Julai - Malaysia mengucapkan terima kasih kepada perajurit British di atas pengorbanan mereka menentang pengganas komunis semasa darurat dan membantu negara semasa konfrantasi dengan Indonesia.

Di atas penghargaan itu, seramai 40 orang askar veteran itu menerima anugerah Pingat Jasa Malaysia (PJM) di Suruhanjaya Tinggi Malaysia di sini hari ini.

Pingat itu disampaikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak kepada kumpulan pertama daripada 8,000 orang penerima.

"Anda semua telah memainkan peranan besar bersama kami dalam usaha untuk membangunkan sebuah negara. Bagi pihak kerajaan Malaysia, izinkan saya memberikan penghormatan dan penghargaan tidak terhingga kepada anda semua pada hari ini," kata Najib dalam ucapan ringkas yang disambut dengan tepukan gemuruh oleh para veteran itu.

Turut hadir ialah Datin Seri Rosmah Mansor dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Britain, Datuk Abdul Aziz Mohammed.

Antara penerima hari ini ialah seorang Field Marsyal dan dua jeneral.

Seramai 74 orang lagi akan terbang ke Malaysia Oktober ini untuk majlis penganugerahan yang akan diadakan

di Kuala Lumpur dan yang lain akan menerima dalam beberapa majlis lagi di United Kingdom.

"Saya cukup gembira. Terima kasih kasih kerajaan Malaysia atas ingatan kepada kami," kata George Fleming yang pernah bertugas di Borneo pada 1959-60.

Fleming yang juga setiausaha cawangan Persatuan Bekas Perajurit Malaya-Borneo di Ireland Utara berkata, akhirnya apa yang persatuan ini perjuangkan tercapai juga.

## Dibatalkan

Katanya, kerajaan British mempunyai dasar melarang pengurniaan pingat berganda oleh lain-lain negara kepada askar-askar British tapi dasar tersebut kini dibatalkan hasil perjuangan Persatuan Bekas, Perajurit Malaya-Borneo.

Bekas perajurit British terkemudian menerima PJM disebabkan dasar tersebut, walaupun rakan-rakan mereka dari Australia dan New Zealand telah menerima awal sebelum mereka.

Selepas menerima pingat daripada Najib, beberapa orang penerima kelihatan terus menyematkan PJM di baju mereka, bersebelahan pingat-pingat yang dikurniakan oleh kerajaan British.

"Saya sangat bangga menerima pingat ini dan terus memakainya," kata John Bisset, 80, yang berdiri megah bersama dua lagi rakannya, John

Ashwell, 69 dan William Brierly, 75.

Mereka yang kini menjadi penghuni rumah orang tua di Chelsea datang dengan memakai pakaian seragam berwarna merah dan terus menyematkan PJM di dada baju mereka.

Seorang lagi penerima, Roy Follow, 77, bertugas selama sembilan tahun di Malaya dengan pangkat leftenan dalam pasukan polis Komanwel mulai tahun 1954 ketika berusia 22 tahun.

"Banyak kenangan manis, orang-orang Malaysia baik-baik belaka," katanya yang masih boleh bertutur dalam Bahasa Melayu, walaupun tidak lancar.

"Dulu saya boleh bercakap, tapi sekarang sedikit-sedikit... sudah lupa kerana lama tidak bercakap," jelasnya.

Follow yang pernah bertugas di Cameron Highlands dan Yong Peng sebagai ketua platoon Jungle Squad masih berhubung dengan bekas sarjannya bernama Shafie yang tinggal di Batu Pahat.

Beliau ingin menghubungi keluarga seorang lagi rakannya iaitu Tok Batin Orang Asli yang bernama Menteri Awol.

"Dia (Awol) ada menghadihkan satu sumpitan kepada saya yang saya masih simpan hingga sekarang," kata Follow yang ingin melawat Malaysia.

"Jika saya dapat berjumpa dengan keluarga Menteri Awol, saya mahu menghadihkan sumpitan ini kepada mereka sebagai penghargaan dan kenangan."

" - Utusan



NAJIB Tun Razak menyampaikan Pingat Jasa Malaysia (PJM) kepada Sir John Best-Shaw yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu, di pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London, semalam.

- Gambar Bernama